

16 OCT 2003

OIC-Aman

KIRA-KIRA 10,000 SERTAI PERBARISAN TONJOL KECINTAAN M'SIA KEPADA KEAMANAN

PUTRAJAYA, 16 Okt (Bernama) -- Kira-kira 10,000 peserta daripada pelbagai kaum berbaris di bahu jalan sepanjang kira-kira 2 kilometer, untuk menyuarkan rasa kecintaan rakyat Malaysia terhadap keamanan, terutama kepada kepada para delegasi dan ketua-ketua negara yang menghadiri Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini pagi ini.

Perbarisan anjuran Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) itu bermula dari hadapan Istana Keadilan, menghala ke Jambatan Seri Gemilang, iaitu laluan utama delegasi dan ketua-ketua negara terbabit untuk menuju ke Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), tempat berlangsung sidang kemuncak hari ini.

Peserta perbarisan yang terdiri daripada kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan serta persatuan-persatuan belia, tiba ke perbarisan itu seawal pukul 5 pagi.

Perbarisan itu juga diadakan selaras dengan penyerahan satu memorandum oleh Aman Malaysia kepada Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, semalam yang meminta agar ketua-ketua negara OIC mengambil ketetapan dan melaksanakan tindakan tegas ke arah penyelesaian isu kemanan sejagat, khususnya konflik di Palestin dan Iraq.

Sebaik sahaja delegasi dan ketua-ketua negara melalui laluan itu, para peserta perbarisan melaungkan 'We Want Peace' dan mengangkat sepanduk serta poster dalam tiga bahasa rasmi sidang berkenaan iaitu Bahasa Arab, Perancis dan Inggeris.

Antaranya berbunyi 'Iraq has suffered enough', 'OIC help our friends in Palestine and Iraq', 'Oil is our weapon - Use Them', dan ada juga yang menyuarkan pujian kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan menampilkan poster dengan kata-kata 'Mahathir World Champion'.

Sambil berbaris, mereka yang hadir turut melakukan 'gimik' terhadap kesan kecederaan yang dialami mangsa keganasan dan perang dengan membalut tangan dan kepala menggunakan kertas tisu berwarna merah.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang menaiki kenderaan rasmi untuk ke Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), melalui kawasan itu pukul 8.05 minit turut menurunkan cermin tingkap kereta dan melambai-lambai tangan ke arah peserta perbarisan.

-- BERNAMA

SHS MKO AZH